



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## **SEMBAH UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## **SEMPENA**

**MAJLIS SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI  
KOMUNITI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA  
LUMPUR 2024**

**1 APRIL 2024**

**DEWAN PERDANA MESTIKA  
INSTITUT LATIHAN DBKL**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ  
الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ،  
وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَىٰ

سیدنا محمد

أشرف

المرسلين ،

و على آلـه

و صحبـه أجمعـين

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

Menghadap,  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith  
Sofiah.

### **MUKADIMAH**

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,  
sembah patik pohon diampun,**

1. Patik merafak sembah, menjunjung kasih atas limpah perkenan Duli Tuanku berangkat bercemar duli ke Majlis Sumbangan Aidilfitri Komuniti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2024 pada petang ini.

2. Sesungguhnya, keberangkatan Duli Tuanku amat bermakna buat patik-patik sekalian, dan suasana dalam majlis pada hari ini begitu gemilang berkat keberangkatan dan kedaulatan Duli Tuanku. Keberangkatan Duli Tuanku juga merupakan lambang keprihatinan dan kasih sayang Tuanku yang sentiasa menaungi patik-patik sekalian.

**Ampun Tuanku,**

3. Patik pohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk mengalu-alukan tetamu kehormat serta hadirin sekalian.

**Ampun Tuanku**

## **SALUTASI**

**Yang Berhormat**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail**

Ahli Parlimen Bandar Tun Razak

**Yang Berbahagia**

**Dato' Indera Noridah Abdul Rahim**

Ketua Pengarah

Jabatan Wilayah Persekutuan

**Yang Berbahagia**

**Datuk Seri Surveyor Kamarulzaman Mat  
Salleh**

Datuk Bandar Kuala Lumpur

Tuan-tuan dan Puan-puan para hadirin  
sekalian,

## **PENDAHULUAN**

4. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang sudi hadir pada hari ini ke Majlis Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2024.
  
5. Majlis ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang berbentuk tanggungjawab sosial korporat atau CSR dalam membantu golongan yang memerlukan khususnya, dari kategori B40 melalui sumbangan secara *one-off*.

- 
- 
- 
- 
- 
6. Mudah-mudahan pada kali ini, ia dapat meringankan beban dalam persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tidak berapa lama lagi.
7. Mengambil pendekatan ikhtiar Malaysia MADANI yang antaranya menekankan nilai ‘Ihsan’ yang ditafsirkan sinonim dengan makna peduli dan prihatin, Jabatan Wilayah Persekutuan bersama-sama DBKL telah memperuntukkan sebanyak RM 100,000.00 untuk diagihkan kepada 500 penerima yang memerlukan berdasarkan data eKasih bagi mereka yang menetap di Kuala Lumpur.

8. Alhamdulillah, inilah perkongsian rezeki yang digalakkan dalam Islam seperti yang dinyatakan dalam Surat As Saba, ayat 39, mafhumnya: Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambaNya, dan Dia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kami dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah juga sebaik-baik pemberi rezeki.

9. Untuk makluman para hadirin juga, di Jabatan Wilayah Persekutuan, kita telah memperkenalkan satu *flagship program* iaitu Program Usaha Jaya Insan atau PUJI yang menyelaraskan kesemua bantuan-bantuan dan inisiatif-inisiatif Kerajaan kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan. Objektif utama PUJI ini adalah untuk menyediakan *exit plan* agar mereka yang berada dalam kategori miskin tegar dan miskin bandar, akhirnya dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan yang lebih baik menyumbang semula kepada masyarakat dan komuniti.

## **PRESTASI MALAYSIA BERADA DI LANDASAN YANG BETUL**

**Para hadirin sekalian,**

10. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama-sama untuk terus menjaga keamanan dan keharmonian yang kita kecapi sekarang ini dengan memperkuatkan semangat perpaduan antara kita. Insya-Allah, dengan kestabilan dan keharmonian ini Malaysia boleh dan bakal menjadi peneraju ekonomi Asia dan secara tidak langsung akan meningkatkan darjat hidup rakyat.

11. Walaupun pada ketika ini, dunia berhadapan dengan cabaran ekonomi yang berpunca daripada pelbagai perkara antaranya adalah konflik geopolitik dan perubahan iklim global, namun begitu, Malaysia masih berada di landasan yang baik.
  
12. Sebagai contoh, rekod menunjukkan bahawa pada tahun 2023, Malaysia telah meraih pelaburan diluluskan berjumlah RM 329.5 bilion di mana ia merupakan pencapaian yang tertinggi dalam sejarah negara setakat ini.

13. Selain itu, indikator makroekonomi lain seperti kadar inflasi, kadar pengangguran dan prestasi eksport menunjukkan tanda-tanda pemulihan dan berada pada tahap yang baik.
  
14. Insya-Allah, pada tahun ini, keseluruhan persekitaran ekonomi Malaysia dijangka bertambah kukuh dengan unjuran pertumbuhan antara empat dan lima peratus seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sebelum ini.

## **PENUTUP**

**Para hadirin sekalian,**

15. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir terkhusus kepada ahli jawatankuasa yang telah bertungkus lumus memastikan kejayaan majlis pada hari ini.
  
16. Di kesempatan ini, saya juga mengucapkan selamat meneruskan ibadah puasa dan mudah-mudahan 10 malam terakhir, kita dipertemukan dengan malam Lailatul Qadar. Amin. Dan juga Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Minal 'Aidil Wal Faizin.

## **Ampun Tuanku,**

17. Demikian sahaja sembah ucapan patik. Patik serta warga Wilayah Persekutuan sekali lagi merafak sembah menjunjung kasih atas limpah perkenan Duli Tuanku bercemar duli ke majlis pada hari ini.
  
18. Patik mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku dan seluruh kerabat dikurniakan taufik dan hidayah, dilanjutkan usia zaman untuk bersemayam di atas takhta pemerintahan negara.

19. Moga-moga Allah Subhanahu Wata'ala mendatangkan rahmat bahagia dan melimpahkan kurniaNya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, kaum-kaum kerabat dan negara Malaysia.

Sekian.

Wabillahi                  Taufiq                  Walhidayah  
Wassalamu'alaikum                  Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Menjunjung kasih Tuanku.